

**FORMAT PENTAKSIRAN BAHASA MELAYU**  
**Peperiksaan Bersama Menengah Rendah**  
**Sekolah Menengah Persendirian Cina Malaysia**  
(2026)

### I Objektif Kurikulum

Kurikulum Standard Bahasa Melayu Menengah Rendah SMPC digubal berasaskan kompetensi teras yang mementingkan penguasaan secara menyeluruh bagi tiga domain iaitu kognitif, psikomotor, dan afektif. Selain empat kemahiran asas berbahasa, iaitu kemahiran mendengar dan bertutur, kemahiran membaca serta kemahiran menulis, Kurikulum Standard Bahasa Melayu juga memberikan tumpuan kepada pengetahuan bahasa yang berfokus kepada pembelajaran tatabahasa, kosa kata, peribahasa, sebutan, dan intonasi. Pembelajaran Bahasa Melayu ini bukan sahaja memenuhi keperluan diri pelajar, malah juga memberikan penekanan dalam memperoleh ilmu pengetahuan dan kemahiran, mendapatkan maklumat, mengamalkan nilai dan menjanakan idea serta menjalin hubungan sosial dalam kehidupan harian.

### II Deskripsi Peperiksaan

Kertas Bahasa Melayu Peperiksaan Bersama Menengah Rendah ini adalah untuk menilai pencapaian calon selepas tamat pembelajaran di peringkat Menengah Rendah. Pentaksiran ini juga merupakan rujukan pihak sekolah untuk menilai keberkesanan proses pengajaran dan pembelajaran dalam mata pelajaran Bahasa Melayu.

### III Objektif Peperiksaan

#### 1. Penulisan

- 1.1 dapat menghasilkan perenggan isi berdasarkan bahan rangsangan yang diberikan dengan menggunakan ayat yang gramatis
- 1.2 dapat menghasilkan karangan mengikut format dan kehendak soalan dengan menggunakan ayat yang gramatis
- 1.3 dapat menghasilkan rumusan berdasarkan petikan atau bahan grafik yang diberikan dengan menggunakan ayat yang gramatis
- 1.4 dapat mengemukakan isi-isi yang bernas dan positif

#### 2. Kefahaman

- 2.1 dapat memahami dan memperoleh maklumat daripada petikan
- 2.2 dapat menjelaskan maksud perkataan atau rangkai kata yang bersesuaian dengan konteks penggunaannya dalam petikan

#### 3. Tatabahasa

- 3.1 dapat memahami makna dan penggunaan perkataan atau rangkai kata berdasarkan konteks
- 3.2 dapat menggunakan imbuhan yang tepat berdasarkan konteks
- 3.3 dapat menggunakan frasa yang tepat berdasarkan konteks
- 3.4 dapat mengenal pasti ayat yang gramatis
- 3.5 dapat menggunakan peribahasa dengan tepat

## IV Struktur Kertas Peperiksaan

Mata pelajaran ini terdiri daripada dua kertas:

Kertas 1: Ujian Bertulis (50 markah) ..... Masa yang diperuntukkan: 1 jam 45 minit

Kertas 2: Ujian Objektif (50 markah) ..... Masa yang diperuntukkan: 1 jam 15 minit

### **Kertas 1: Ujian Bertulis (50 markah)**

Kertas ini terdiri daripada tiga bahagian, iaitu Bahagian A, Bahagian B dan Bahagian C. Calon diwajibkan menjawab SEMUA bahagian.

#### **Bahagian A: Penulisan Perenggan (10 markah)**

1. Satu bahan rangsangan dikemukakan.
2. Calon dikehendaki menulis satu perenggan isi berdasarkan bahan rangsangan yang diberikan.
3. Calon dikehendaki menulis satu perenggan isi yang panjangnya antara 40 hingga 60 patah perkataan.

#### **Bahagian B: Karangan (30 markah)**

1. Sebanyak lima soalan karangan disediakan.
2. Calon dikehendaki menulis sebuah karangan.
3. Calon dikehendaki menulis karangan tidak kurang daripada 180 patah perkataan.

#### **Bahagian C: Rumusan (10 markah)**

1. Satu bahan grafik atau petikan dikemukakan.
2. Calon dikehendaki membuat satu rumusan berdasarkan arahan soalan.
3. Rumusan hendaklah ditulis mengikut urutan dalam empat perenggan, iaitu perenggan pendahuluan, perenggan isi tersurat, perenggan isi tersirat, dan perenggan penutup.
4. Calon dikehendaki menulis rumusan yang panjangnya tidak lebih daripada 100 patah perkataan.

### **Kertas 2: Ujian Objektif (50 markah)**

1. Bahagian ini terdiri daripada 50 soalan objektif.
2. Setiap soalan disediakan empat pilihan jawapan.
3. Calon dikehendaki memilih satu jawapan yang paling tepat untuk setiap soalan.
4. Struktur bahagian ini adalah terdiri daripada:
  - 4.1 Kefahaman petikan (10 soalan)
    - 4.1.1 Dua petikan kefahaman disediakan.
    - 4.1.2 Satu petikan sastera daripada buku teks Bahasa Melayu bagi peringkat Menengah Rendah Satu hingga Menengah Rendah Tiga dan satu petikan bebas atau grafik yang setara dengan tahap dan tema seperti dalam buku teks tersebut akan disediakan. Panjang petikan adalah kira-kira 250 patah perkataan.
    - 4.1.3 Setiap petikan akan dikemukakan lima soalan kefahaman.
    - 4.1.4 Calon dikehendaki menjawab semua soalan.
  - 4.2 Tatabahasa (40 soalan) merangkumi
    - 4.2.1 Penggunaan kata dalam ayat
    - 4.2.2 Penggunaan imbuhan dalam petikan
    - 4.2.3 Mengenal pasti kesalahan dalam ayat
    - 4.2.4 Penggunaan kata banyak makna dalam ayat
    - 4.2.5 Penggunaan frasa yang tepat dalam ayat
    - 4.2.6 Mengenal pasti ayat yang gramatis
    - 4.2.7 Penggunaan peribahasa yang tepat berdasarkan konteks
    - 4.2.8 Sintaksis pelbagai aspek